

06/05/2002

Kementerian boleh atasi pengangguran pada peringkat awal

KUALA LUMPUR, Ahad - Kementerian Pendidikan perlu menangani isu siswazah menganggur daripada peringkat Tingkatan Empat lagi tanpa menunggu sehingga mereka tamat pengajian di Institusi Pengajian Tinggi (IPT) untuk membuat sesuatu.

Tokoh pendidikan, Tan Sri Ainuddin Abdul Wahid berkata, masalah pengangguran boleh ditangani jika perancangan awal dibuat pada peringkat Kementerian Pendidikan bagi melihat keperluan bidang pekerjaan.

"Jika tahu bila perlukan ramai orang teknikal, Kementerian Pendidikan boleh membuat dasar tertentu lebih awal dan tambah pelajar aliran sastera dan sains pada peringkat kemasukan Tingkatan Empat lagi.

"Kita tidak boleh salahkan budak (pelajar) 100 peratus sebab jika kita sedar terlalu ramai dalam bidang itu (sastera dan agama), kementerian boleh maklumkan universiti agar pengambilan tidak dibuat atau dihentikan sementara," katanya.

Naib Canselor Universiti Teknologi Malaysia (UTM), Prof Datuk Dr Mohd Zulkifli Ghazali, berkata pengambilan pelajar ke universiti itu lebih tertumpu kepada keperluan pasaran pekerjaan semasa serta keperluan pembangunan negara masa depan.

"Saya mengulas mengenai perkara ini bagi UTM di mana pelajar yang diterima kebanyakannya mengikuti kursus tertentu. Di UTM, kami memberi penumpuan dalam bidang seperti telekomunikasi, teknologi maklumat, kejuruteraan automotif dan kejuruteraan angkasa yang berpotensi untuk maju," katanya ketika dihubungi di Geneva, hari ini.

Beliau mengulas pengangguran tinggi di kalangan graduan Melayu kerana tidak mengambil jurusan serta bidang yang boleh mengisi pasaran pekerjaan.

Semalam, Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata, kebanyakan graduan Melayu lulus pengajian dengan mengambil jurusan sastera dan agama sedangkan dua bidang itu hanya terhad kepada bidang perguruan dan tidak ada kaitan dengan pasaran kerja.

Dr Mahathir berkata, graduan yang menganggur tidak boleh menyalahkan kerajaan semata-mata, kerana pemilihan kursus di IPT dibuat oleh mereka sendiri. Malah katanya, ramai Melayu lulusan IPT menganggur kerana memilih jurusan yang tidak bernilai dan tidak mahir penguasaan bahasa Inggeris.

Prof Mohd Zulkifli yang bersetuju dengan pandangan Dr Mahathir berkata, UTM sentiasa mengambil pendekatan proaktif dengan membuat perancangan pengambilan pelajar atau rancangan penambahan kursus pengajian berdasarkan laporan tahunan Unit Perancang Ekonomi (EPU), Jabatan Perdana Menteri dari semasa ke semasa.

"Daripada laporan EPU, universiti dapat menjangka serta membuat perancangan mengenai jumlah graduan yang bakal dikeluarkan dalam jangka masa tertentu bagi mengisi keperluan sebenar pembangunan serta ekonomi Malaysia," katanya.

Sementara itu, Puan Sri Dr Fatimah Hamid Don berkata, pihak universiti perlu mengkaji sama ada bidang keagamaan dan sastera yang ditawarkan kepada pelajar benar-benar dapat mengeluarkan sasterawan dan pakar agama yang berkualiti.

(END)